



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB MENERUSI
GAYA PEMBELAJARAN VISUAL-AUDITORI-KINESTETIK DI IPTS***

FARAH NUR-RASHIDA BT ROSNAN

FBMK 2021 56



**PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB MENERUSI
GAYA PEMBELAJARAN VISUAL-AUDITORI-KINESTETIK DI IPTS**

Oleh

FARAH NUR-RASHIDA BT ROSNAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB MENERUSI GAYA PEMBELAJARAN VISUAL-AUDITORI-KINESTETIK DI IPTS

Oleh

FARAH NUR-RASHIDA BT ROSNAN

Disember 2020

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Azidan Abdul Jabar, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa antaranya ialah kemahiran membaca. Menurut Nazimah Ngah (2011), terdapat hubungan antara penggunaan gaya pembelajaran dengan yang betul dengan penguasaan bahasa Arab pelajar. Penggunaan gaya pembelajaran yang betul akan meningkatkan tahap kemahiran bahasa pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Namun, masih terdapat kajian yang menunjukkan tahap kemahiran membaca bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang kurang memuaskan, (Awatif, 2017). Ini kerana penggunaan gaya dan strategi pembelajaran kurang diadaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya di institusi pengajian tinggi swasta. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab, membezakan kecenderungan gaya pembelajaran VAK, dan menganalisis korelasi antara tahap kemahiran bahasa Arab pelajar dengan gaya pembelajaran VAK. Kajian kuantitatif ini memanfaatkan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik VAK sedia ada dan soalan ujian kemahiran membaca digunakan dalam proses pengumpulan data. Seramai 93 orang pelajar diploma pengkhususan Bahasa Arab di KUIS, KIAS dan KUIPSAS terpilih sebagai sampel kajian. Data diproses menggunakan SPSS versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab di ketiga-tiga buah IPTS di tahap sederhana. Kajian juga menunjukkan kesemua pelajar cenderung terhadap gaya pembelajaran VAK, dan tidak terdapat korelasi yang signifikan antara tahap kemahiran bahasa Arab pelajar dengan gaya pembelajaran VAK. Kajian ini diharap dapat membantu tenaga pengajar bahasa Arab dalam mengaplikasikan pendekatan gaya pembelajaran VAK khususnya dalam kemahiran membaca bahasa Arab.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

MASTERY OF ARABIC READING SKILLS THROUGH VISUAL-AUDITORY- KINESTETIC LEARNING STYLE IN IPTS

By

FARAH NUR-RASHIDA BT ROSNAN

December 2020

Chairman : Associate Professor Mohd Azidan Abdul Jabar, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The teaching of Arabic in Malaysia has set a goal to enable students to master four basic language skills, among them are reading skills. According to Nazimah Ngah (2011), there is a relationship between the use of learning styles with the correct with the Arabic language proficiency of students. The use of the correct learning style will increase the level of students' language skills in mastering the Arabic language. However, there are still studies that show that the level of students' Arabic reading skills is at a less satisfactory level, (Awatif, 2017). This is because the use of learning styles and strategies is poorly adapted in teaching and learning, especially in private institutions of higher learning. This study aimed to identify the level of mastery of Arabic reading skills, distinguish the tendencies of VAK learning style, and analyze the correlation between students' level of Arabic language skills with VAK learning style. This quantitative study utilized a questionnaire instrument adapted from the existing VAK questionnaire and reading skills test questions used in the data collection process. A total of 93 diploma students specializing in Arabic at KUIS, KIAS and KUIPSAS were selected as the study sample. Data were processed using SPSS version 21.0. The findings of the study showed that the level of mastery of Arabic reading skills in the three private HEIs at the intermediate level. The study also showed that all students tended towards VAK learning style, and there was no significant correlation between students' Arabic language proficiency level with VAK learning style. It is hoped that this study can help Arabic language teachers in applying the VAK learning style approach, especially in Arabic reading skills.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan keluarga Baginda serta para sahabatnya. Dengan izin Allah, segala urusan tesis ini telah dipermudahkan dan saya bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Kuasa.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan kepada dua orang penyelia yang saya hormati dan muliakan iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar dan Dr. Nik Farhan binti Mustapha yang tak pernah berputus asa membantu saya serta memberi saya sumbangan idea, dalam menyiapkan tesis, juga memberi semangat untuk saya teruskan pengajian dalam bidang master.

Akhir sekali, sekalung penghargaan ditujukan untuk ibu dan ayah saya yang sentiasa percaya kepada saya dan sentiasa memberi semangat dan dorongan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Azidan Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 November 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Farah Nur-Rashida bt Rosnan,

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Nik Farhan binti Mustapha

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xv

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Operasional	10
1.11	Kesimpulan	12
2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Gaya Pembelajaran	13
2.3	Konsep Gaya Pembelajaran	14
2.4	Gaya Pembelajaran VAK	16
2.4.1	Gaya Pembelajaran VAK dari Sudut Pembelajaran Bahasa Kedua	17
2.4.2	Gaya Pembelajaran VAK dalam Bahasa Arab	18
2.4.3	Teori-Teori berkaitan Gaya Pembelajaran VAK	19
2.4.4	Isu Gaya Pembelajaran VAK dalam Pembelajaran Bahasa	20
2.5	Bahasa Arab	20
2.5.1	Kemahiran Membaca Bahasa Arab	21
2.5.2	Pembelajaran Bahasa Arab	22
2.5.3	Isu Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab	23
2.6	Analisis Kritis	24
2.7	Jurang Kajian	24
2.8	Kesimpulan	25

3	METODOLOGI KAJIAN	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Sampel Kajian	27
3.4	Instrumen Kajian	29
3.4.1	Soal Selidik Gaya Pembelajaran VAK Bahasa Arab	29
3.4.2	Soalan Ujian Kemahiran Membaca Bahasa Arab	31
3.4.3	Kajian Rintis	32
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	38
3.6	Prosedur Analisis Data	38
3.6.1	Analisis Deskriptif	39
3.6.2	Analisis Inferensi	40
3.7	Ujian Korelasi Pearson	41
3.8	Kesimpulan	41
4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	42
4.1	Pendahuluan	42
4.2	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab	42
4.2.1	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKL	43
4.2.2	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKI	43
4.2.3	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKP	44
4.2.4	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKA	44
4.2.5	Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKK	45
4.2.6	Perbincangan Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab keseluruhan di IPTS	45
4.3	Analisis Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	46
4.3.1	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual di IPTS	46
4.3.2	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori di IPTS	46
4.3.3	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik di IPTS	47
4.3.4	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori dari Segi Jantina	47
4.3.5	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik dari Segi Jantina	48
4.3.6	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual dari Segi Pencapaian	48
4.3.7	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori dari Segi Pencapaian	49

4.3.8	Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik dari Segi Pencapaian	49
4.3.9	Perbincangan Analisis Perbezaan Gaya Pembelajaran VAK keseluruhan di IPTS	49
4.4	Analisis Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	50
4.4.1	Analisis Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK di KUIS	50
4.4.2	Analisis Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK di KIAS	50
4.4.3	Analisis Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK di KUIPSAS	51
4.4.4	Perbincangan Analisis Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	51
4.5	Kesimpulan	51
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	52
5.1	Pendahuluan	52
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	52
5.2.1	Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	52
5.2.2	Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	53
5.2.3	Korelasi Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK	53
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	54
5.3.1	Implikasi kepada Pelajar	54
5.3.2	Implikasi kepada Tenaga Pengajar	54
5.3.3	Implikasi kepada Institusi dan Kementerian Pengajian Tinggi	54
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	54
5.5	Kesimpulan	55
	RUJUKAN	56
	LAMPIRAN	60
	BIODATA PELAJAR	72
	PENERBITAN	73

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Penentuan saiz sampel yang telah disediakan seperti jadual Krejcie & Morgan (1970) dan jadual Cohen et al. (2001)	29
3.2 Taburan Item Soal Selidik	30
3.3 Taburan Item Soalan Ujian	31
3.4 Jantina	33
3.5 Semester Pengajian	33
3.6 Pengalaman Belajar di Negara Arab	33
3.7 Jenis Analisis Statistik	39
3.8 Gred, Markah, dan Status Ujian Kemahiran Membaca	40
3.9 Skor Min	40
3.10 Ringkasan Analisis Statistik Inferensi	41
4.1 Keputusan Ujian Kemahiran Membaca Bahasa Arab	42
4.2 Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKL (N=93)	43
4.3 Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKI (N=93)	44
4.4 Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKP (N=93)	44
4.5 Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dari segi TKA (N=93)	45
4.6 Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dari segi TKK (N=93)	45
4.7 Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual (N=93)	46
4.8 Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori (N=93)	46
4.9 Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik	47

4.10	Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual dari segi Jantina	47
4.11	Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori dari segi Jantina	48
4.12	Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik dari segi Jantina	48
4.13	Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual dari segi Pencapaian	48
4.14	Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori dari segi Pencapaian	49
4.15	Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik dari segi Pencapaian	49
4.16	Korelasi Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran VAK di KUIS (N=49)	50
4.17	Korelasi Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran VAK di KIAS (N=26)	51
4.18	Korelasi Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran VAK di KUIPSAS (N=18)	51

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	9
3.1	Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Visual	34
3.2	Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Auditori.	35
3.3	Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Kinestetik.	37

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
KIAS	Kolej Islam Sultan Ismail Petra
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
VAK	Visual, Auditori, Kinestetik
TKL	Tahap Kefahaman Literal
TKI	Tahap Kefahaman Inferensi
TKP	Tahap Kefahaman Perasaan
TKA	Tahap Kefahaman Apresiasi
TKK	Tahap Kefahaman Krtikal

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	B	بدل	badala
ت	T	تمر	tmar
ث	Th	ثورة	thawrah
ج	J	جمال	jamāl
ح	H	حديث	ḥadīth
خ	Kh	خالد	Khālid
د	D	ديوان	dīwan
ذ	Dh	مذهب	madhhab
ر	R	رحمن	rahmān
ز	Z	رمزم	ramzam
س	S	سراب	sarāb
ش	Sy	شمس	shams
ص	Ṣ	صبر	ṣabr
ض	Ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	T	طاهر	tāhir
ظ	Ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	Gh	غيب	ghayb
ف	F	فقه	fiqh
ق	Q	قاضي	qādi
ك	K	كأس	ka's
ل	L	لبن	laban
م	M	مزمير	mizmar
ن	N	نوم	nawm
هـ	H	هبط	habaha
و	W	وصل	waṣala
ي	Y	يسار	yasār

Vokal pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
َ (fathah)	a	فعل	Fa'ala
ِ (kasrah)	i	حسب	hasiba
ُ (dammah)	u	كتب	kutiba

Vokal panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
آ، إ، ي	Ā	كاتب، قضي	Kātib, daqā
ي	Ī	كريم	Karīm
و	Ū	حروف	hurūf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	<i>Aw</i>	قول	<i>Qawl</i>
ي	<i>Ay</i>	سيف	<i>SayfRaj</i>
ي	<i>Iyy/i</i>	رجعي	<i>Ra'iy</i>
و	<i>Uww/u</i>	عدو	<i>'aduww/ 'adu</i>



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan pengenalan kajian yang merangkumi aspek latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian. Persoalan kajian, hipotesis kajian dan kerangka konseptual kajian yang menggunakan teori Gaya Pembelajaran VAK (Neil Fleming, 1987). Bab ini juga turut mengetengahkan kepentingan kajian dan juga batasan kajian. Untuk memudahkan kefahaman terhadap tesis ini, bab ini akan menjelaskan definisi operasional yang penting dan berkaitan dengan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Bahasa Arab juga merupakan bahasa Al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk memberi petunjuk dan hidayat kepada manusia sejagat.

{ وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ... ۳۷ }

(al-Qur'an, al-Ra'd 13: 37)

Maksudnya:

Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Qur'an itu sebagai peraturan (yang benar) dalam bahasa Arab.

Rosni Samah (2011) telah menghuraikan pengajaran bahasa Arab dalam aspek komunikasi sebagai bahasa kedua. Menurut beliau (2011), pengajaran bahasa Arab mementingkan empat aspek utama iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bercakap, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Pembelajaran bahasa Arab pula merujuk kepada proses seseorang individu belajar atau menyimpan maklumat bahasa tersebut.

Pembelajaran bahasa Arab juga bergantung kepada domain dan pendekatan yang dapat menarik minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kemahiran membaca atau sinonim disebut Maharat al-Qiraah dalam bahasa Arab merupakan salah satu kemahiran bahasa yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar dan bagi sesiapa sahaja yang berminat mempelajari bahasa Arab.

Berdasarkan matlamat PdP bahasa Arab, kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai di samping kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Namun begitu, kemahiran membaca bahasa Arab perlu diberi lebih keutamaan berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Hal ini demikian kerana kemahiran membaca teks bahasa Arab menjadikan pelajar memahami bahan bacaan pengajian Islam yang ditulis dalam bahasa Arab.

Kemahiran ini boleh dianggap sebagai objektif utama yang perlu dikuasai, memandangkan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain kurang dipraktikkan secara meluas disebabkan faktor persekitaran yang kurang membantu pemerolehan bahasa asing berkenaan (Nik Rahimi, 1998). Justeru, kemahiran membaca dapat membantu pembaca memahami makna yang tersurat dan juga tersirat yang cuba diketengahkan oleh penulis (Nik Farhan et al., 2010).

Dalam konteks pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling dominan dalam proses pembelajaran. Kemahiran membaca adalah antara pemangkin pembelajaran secara sendiri yang dapat memacu kejayaan dan kecemerlangan pengajian mahasiswadi IPT. Hal ini demikian kerana pembelajaran di IPT memerlukan daya usaha pelajar sendiri bagi menguasai bidang yang dipelajari masing-masing. Para pensyarah pula hanyalah bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara.

Pembelajaran berpusatkan pelajar yang bersifat sendiri, menjadikan pelajar lebih berautonomi dalam pengajian mereka. Pelajar bebas untuk meneroka ilmu yang bermanfaat berdasarkan keinginan dan minat mereka sendiri melalui kemahiran membaca (Huba & Freed, 2000). Justeru, PdP kemahiran membaca khususnya kemahiran menggunakan strategi membaca pemahaman amat penting bagi pelajar bidang pengajian Islam di IPT, agar mereka dapat memahami, memperolehi, menguasai dan menilai ilmu yang dipelajari serta dapat diaplikasi dalam kehidupan mereka. Seterusnya, sesuatu ilmu itu dapat dimanfaatkan dan disebar untuk kemaslahatan manusia dan alam seluruhnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab namun kajian masih mendapati pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar berada di tahap yang rendah.

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di institusi pengajian tinggi telah lama diterapkan dan turut menjadi subjek wajib lulus bagi sesetengah bidang yang diambil oleh para pelajar. Tahap lulus para pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah tinggi, namun tahap penguasaan asas morfologi bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih menunjukkan keadaan yang sangat lemah. Terdapat dua bahasa yang dijadikan sebagai bahasa kedua di institusi pengajian tinggi iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Masalah ini dilihat berpunca daripada pelajar tidak mengenal diri sendiri dan tidak mengetahui teknik pembelajaran yang sesuai mengikut individu.

Kajian telah menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa (SPB) banyak digunakan oleh pelajar cemerlang bahasa dan ianya boleh diajar dan dipelajari melalui latihan dan pengajaran SPB. Namun, dalam proses PdP bahasa Arab sebagai bahasa asing, masih lagi terdapat kekurangan dari segi pengetahuan dan penggunaan SPB dalam kalangan pelajar mahu pun pengajar bahasa Arab.

Terdapat beberapa punca menyebabkan pelajar lemah dalam pembelajaran kemahiran bahasa, iaitu kurangnya penguasaan para pelajar terhadap perbendaharaan kata, kurang berkemahiran dalam membina ayat gramatis, kurang mempraktikkan amalan bertutur dalam bahasa sasaran sesama mereka, penggunaan gaya pembelajaran mengikut kecenderungan pelajar serta kaedah pengajaran yang kurang berkesan (Ashinida, 2012). Hal ini dapat dilihat dengan jelas berlaku dalam pembelajaran kemahiran bahasa Arab kerana bahasa tersebut dianggap lebih sukar dikuasai berbanding bahasa lain manakala penggunaan dalam kalangan masyarakat juga dilihat tidak meluas. (Zawawi, 2001).

Gaya pembelajaran bahasa adalah berbeza mengikut seseorang individu. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Terdapat pelbagai jenis gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran penting bagi melahirkan output atau hasil yang terbaik. Ahli psikologi menggariskan strategi pembelajaran yang utama ialah strategi berpusatkan pelajar dan bahan. Kajian yang terdahulu telah mendapati bahawa strategi yang sesuai digunakan untuk pelajar ialah pembelajaran yang mementingkan aspek perbezaan individu. Dalam konteks ini, gaya pembelajaran merupakan sesuatu yang penting bagi pembelajaran yang berkesan. Para pensyarah perlu memahami gaya pembelajaran setiap pelajar agar sesi pengajaran lebih berkesan. Pelajar juga perlu didorong dan diterangkan tentang gaya pembelajaran yang terbaik untuk diamalkan oleh masing-masing.

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa pengkaji cuba mengetengahkan Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (VAK) dalam pembelajaran bahasa kerana ia dilihat mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan pelajar cemerlang bahasa (PCB) (Rubin 1975; Stern 1975). Mereka sentiasa mempraktikkan gaya pembelajaran tertentu secara konsisten. Malah gaya

pembelajaran bahasa yang sesuai sering kali didapati mempunyai korelasi yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Green & Oxford 1995).

Selain itu, salah satu faktor yang membezakan kecemerlangan antara dua pelajar sama pandai dan diajari oleh guru yang sama ialah penggunaan gaya belajar yang betul, sesuai dan berkesan. Dengan kata lain, mereka yang melaksanakan gaya pembelajaran yang berkesan secara kerap dan pelbagai akan lebih berjaya untuk menguasai bahasa sasaran.

Membaca pula merupakan satu sifat yang terpuji. Islam sangat menggalakkan umatnya membaca untuk meningkatkan pengetahuan dan menambah ilmu. Menurut Yahya (2005), pembacaan penting bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang memberi makna. Menurut Toiemah (1989) pula telah menyatakan bahawa ianya adalah suatu proses yang melibatkan pemahaman, kritikan, pengecaman dan tindak balas dan memerlukan setiap aspek personaliti seseorang pembaca. Oleh itu, semua peringkat pengajian mementingkan aspek ini sebagai kemahiran yang penting untuk dikuasai.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۙ ۱ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۚ ۲ أَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَلِمَةٌ أَنْ يَأْتِيَ الْبَقِيَّةَ ۚ ۳ أَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَلِمَةٌ أَنْ يَأْتِيَ الْبَقِيَّةَ ۚ ۴ أَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَلِمَةٌ أَنْ يَأْتِيَ الْبَقِيَّةَ ۚ ۵

أَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَلِمَةٌ أَنْ يَأْتِيَ الْبَقِيَّةَ ۚ ۵

(al-Qur'an, al-'Alaq 96:1-5)

Maksudnya: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia menciptakan manusia daripada segumpal darah, bacalah dan Tuhanmu itu Maha Pemurah. Yang mengajar dengan pena (tulis). Mengajarkan manusia apa yang belum diketahui."

Ayat yang berikut menunjukkan membaca merupakan satu elemen yang penting dalam penguasaan sesuatu ilmu. Menurut Nik Rahimi, 1998, kemahiran membaca adalah objektif pertama yang perlu dikuasai oleh pelajar dan keperluan untuk melaksanakan kajian kemahiran membaca perlu dilaksanakan secara meluas.

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan gaya pembelajaran VAK dijalankan di luar negara dan di dalam negara. Terdapat kajian terhadap gaya pembelajaran di Malaysia yang mengkaji hubung kait antaranya dengan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan mata pelajaran lain. Walau bagaimanapun kajian VAK terhadap bahasa Arab kurang dilakukan dan diambil perhatian.

Salah satu kajian yang dilakukan di institusi pengajian tinggi swasta telah dilakukan di KUIS menunjukkan pelajar lebih cenderung kepada gaya pembelajaran Kinestetik berbanding gaya pembelajaran yang lain. Menurut Zati Azmina (2019), pelajar menggunakan gaya pembelajaran kinestetik untuk menguasai keempat-empat kemahiran bahasa Arab.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Zahimie (2018), kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa 160 pelajar KUIM secara amnya mempunyai pelbagai kecenderungan gaya pembelajaran semasa pembelajaran bahasa Arab. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar KUIM ketika mempelajari bahasa Arab dan melihat jika terdapat perbezaan di antara perbezaan gaya pembelajaran mereka ketika belajar bahasa Arab. Selain itu, menurutnya kebanyakan pelajar KUIM mempunyai minat yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Arab berdasarkan skor min tertinggi untuk tiga fakulti bagi domain aktif.

Banyak kajian berkait rapat dengan hubungan gaya pembelajaran VAK dengan bahasa Arab di luar negara. Khususnya, di Indonesia. Namun, kebanyakan kajian yang dilakukan tidak tertumpu kepada kemahiran membaca dan hanya dijalankan secara umum. Seperti kajian yang dilakukan oleh Muh Azam, (2017) mendapati bahawa tenaga pengajar di Pondok Pesantren Al-Mukmin Ngruki dan Pondok Pesantren Ta'mirul Islam telah mengaplikasikan gaya pembelajaran VAK dan dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah wajar dilakukan bagi mengenal pasti, meninjau, menerokai dan mengukur tahap keberkesanan gaya pembelajaran VAK yang terdapat pada diri pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, khususnya di institusi pengajian tinggi swasta yang sering didapati lemah dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Awatif (2017), menunjukkan bahawa kemahiran membaca bahasa Arab di institusi pengajian swasta kurang dilakukan dan diberi perhatian walaupun kemahiran membaca merupakan suatu elemen penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu kajian ini akan dapat mengenal pasti dan mencadangkan modul pembelajaran VAK yang dapat membina minat pelajar dalam penguasaan kemahiran membaca itu dan melatari perancangan pelajar untuk masa depan yang cemerlang.

1.4 Objektif Kajian

Sejajar dengan rumusan masalah yang telah dijelaskan, maka tujuan yang ingin dicapai dari penelitian ini secara umum adalah “Untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab menerusi gaya pembelajaran visual-auditori-kinestetik (VAK) dalam kalangan pengkhususan bahasa Arab. Secara khusus tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTS.

Membezakan gaya pembelajaran pelajar menerusi gaya pembelajaran VAK.

Menganalisis korelasi antara tahap kemahiran membaca bahasa Arab pelajar dengan gaya pembelajaran VAK.

1.5 Persoalan Kajian

Hasil daripada penelitian kajian literatur mewujudkan persoalan kajian iaitu:-

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab pelajar di IPTS?
- ii. Adakah perbezaan gaya pembelajaran bahasa Arab pelajar menerusi gaya pembelajaran VAK?
- iii. Adakah terdapat korelasi yang signifikan antara tahap kemahiran membaca bahasa Arab pelajar dengan gaya pembelajaran VAK?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan dan objektif yang telah dijelaskan, hipotesis utama kajian ini adalah seperti berikut:

- HA1 Terdapat perbezaan tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK.
- HA2 Wujud korelasi yang signifikan antara tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dan Gaya Pembelajaran VAK.

Sub-hipotesis yang akan diuji pula adalah seperti berikut:

HA1:

- HA1:1 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi TKL di IPTS.

- HA1:2 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi TKI di IPTS.
- HA1:3 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi TKP di IPTS.
- HA1:4 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi TKA di IPTS.
- HA1:5 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi TKK di IPTS.
- HA1:6 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dari segi jantina.
- HA1:7 Terdapat perbezaan tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan segi pencapaian.

HA2 :

- HA2:1 Terdapat perbezaan Gaya Pembelajaran Visual di IPTS.
- HA2:2 Terdapat perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori di IPTS.
- HA2:3 Terdapat perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik di IPTS.
- HA2:4 Terdapat perbezaan Gaya Pembelajaran VAK dari segi jantina.
- HA2:5 Terdapat perbezaan Gaya Pembelajaran VAK dari segi pencapaian.

HA3 :

- HA3:1 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Visual di KUIS.
- HA3:2 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Auditori di KUIS.
- HA3:3 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Kinestetik di KUIS.
- HA3:4 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Visual di KIAS.
- HA3:5 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Auditori di KIAS.
- HA3:6 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Kinestetik di KIAS.
- HA3:7 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Visual di KUIPSAS.
- HA3:8 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Auditori di KUIPSAS.


HA3:9 Terdapat korelasi yang signifikan antara tahap penguasaan Kemahiran Membaca dan Gaya Pembelajaran Kinestetik di KUIPSAS.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan rajah 1, pengkaji telah menggunakan kerangka konseptual berikut bagi kajian. Kerangka konseptual ini menunjukkan gambaran keseluruhan kajian yang akan dilaksanakan. Kajian bermula dengan pelajar sebagai responden. Responden ataupun pelajar dipilih daripada KIAS, KUIS, KUIPSAS. Kriteria pelajar ini adalah sama dari segi penempatan di kolej sama ada dari aspek kelayakan minimum ke kolej, program, dan mata pelajaran yang diambil. Walau bagaimanapun, kelompok pelajar ini akan terdiri dari beberapa gaya pembelajaran yang berbeza mengikut Inventori gaya pembelajaran VAK oleh Neil Fleming (1987).

Justifikasi pemilihan 93 pelajar diploma pengkhusan bahasa Arab adalah untuk menilai tahap penguasaan pelajar dan kecenderungan gaya pembelajaran VAK terhadap pelajar institusi pengajian tinggi swasta yang mempunyai tahap kefahaman dan intelektual yang sama. Responden ini dipilih untuk memastikan minat, tahap penguasaan, dan tahap kefahaman bahasa Arab di tahap yang hampir sama. Kajian yang dilakukan oleh Khairatul (2015) terhadap pelajar IPTA menunjukkan pencapaian objektif pembelajaran pelajar terhadap PSMBA di IPTA di Malaysia adalah positif dan cemerlang.

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Faizal (2012) mendapati bahawa dapatan kajian menunjukkan penguasaan bahasa Arab di IPTS berada di tahap yang sederhana. Kajian yang dilakukan itu juga telah mengemukakan beberapa penemuan yang menunjukkan ada permasalahan motivasi dan sikap yang perlu ditangani oleh pengajar-pengajar bahasa Arab di peringkat IPT. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi memastikan adakah tahap penguasaan bahasa Arab di IPTS berada di tahap yang sederhana.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Diadaptasi daripada teori pembelajaran VAK, Fleming (2006)

1.8 Kepentingan Kajian

Sesebuah kajian yang dilakukan mesti mempunyai tujuannya yang jelas dan tepat serta mempunyai kepentingan kajian. Menurut Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2012: 24), kepentingan kajian adalah satu isu utama dalam penyelidikan yang dapat memberi impak kepada agama, masyarakat dan negara atau mampu menyumbang penemuan baharu dalam ilmu dan penyelidikan.

Antara kepentingan yang dapat dilihat daripada kajian ini ialah:

- i. Kajian ini penting bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah di institusi pengajian tinggi lain secara umum. Hasil kajian dapat dimanfaatkan kepada guru mahupun pensyarah yang mengajar subjek bahasa Arab di sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi.
- ii. Kajian ini juga diharap dapat adalah menepati saranan kerajaan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab dan menjadikan pembelajaran lebih mudah dan berkesan (Dayang, Mustafa, 2012).
- iii. Gaya pembelajaran merupakan personaliti pelajar yang dapat membantu pelajar meningkatkan tahap kemahiran bahasa. Setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Terdapat 3

kelompok manusia menggunakan deria dalam sesi pembelajaran sama ada menggunakan penglihatan, pendengaran atau sentuhan (Chong Kee Pin, 2014). Menurut beliau, gaya pembelajaran mengikut kecenderungan personaliti pelajar sama ada dengan menggunakan dua gaya pembelajaran serentak (bimodal) atau satu gaya pembelajaran (unimodal) sahaja. Oleh itu, kajian ini perlu bagi mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap gaya pembelajaran.

1.9 Batasan Kajian

Skop kajian bertujuan untuk menggariskan beberapa fokus yang telah ditentukan oleh pengkaji seperti lokasi dan elemen-elemen kajian yang akan dikaji. Skop kajian juga berfungsi sebagai garis panduan untuk mengelakkan kajian tersasar jauh daripada sempadan kajian yang dirancang. Secara ringkasnya, kajian ini berfokus kepada gaya pembelajaran VAK oleh Neil D. Fleming, (1987) yang diaplikasikan dalam kalangan para pelajar diploma pengkhususan bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini turut membincangkan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Arab menerusi gaya pembelajaran VAK di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), dan Kolej Islam Pahang (KUIPSAS). Seramai 93 orang pelajar yang mengambil pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab di KUIS, KIAS dan KUIPSAS telah dipilih sebagai sampel kajian.

Instrumen yang telah digunakan dalam kajian merupakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada soal selidik VAK sedia ada oleh Neil Fleming (2006). Satu set soalan ujian kemahiran membaca juga telah diaplikasi untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran pelajar.

1.10 Definisi Operasional

Menurut Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2012:26), definisi operasi kajian merujuk kepada memberi pengertian terhadap terma-terma yang digunakan dalam tajuk penyelidikan yang boleh ditentukan atau memberi pengertian kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam penyelidikan sehingga ia benar-benar boleh diukur. Terdapat beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah:

a) Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa memainkan peranan penting bagi meningkatkan penguasaan pelajar. Dalam bahasa Arab, terdapat empat kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu, kemahiran bertutur, mendengar,

membaca dan menulis. Kedudukan kemahiran bahasa dalam sesuatu kurikulum bahasa telah dilihat sebagai satu kemahiran yang sangat penting dalam pembelajaran dan penguasaan sesuatu bahasa. Situasi ini selari dengan pendapat Luoma (2004) yang menyatakan bahawa kemahiran bahasa merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa.

Perkara ini turut disokong oleh Tiedt, Bruemmer, Lane, Stelwagon, Watanabe, dan William (1983) yang merumuskan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, seseorang kanak-kanak yang dapat menguasai kemahiran bahasa dengan baik mempunyai kecenderungan untuk menjadi pembaca dan penulis yang baik dalam sesuatu bahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Nunan, 1991). Brown (2001) juga turut menyifatkan kemahiran bahasa sebagai tanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa.

b) Kemahiran Membaca

Membaca juga merupakan satu proses seseorang mentafsir simbol bacaan kepada mesej tertentu bagi memahami makna yang ingin disampaikan. (Toyimah,2006). Banyak kajian yang menunjukkan bahawa kemahiran membaca bahasa Arab pelajar di tahap yang kurang memberansangkan antaranya kajian oleh Zawawi (2001).telah memperlihatkan bahawa hal sedemikian berlaku dalam pembelajaran kemahiran bahasa Arab kerana bahasa tersebut dianggap lebih sukar dikuasai berbanding bahasa lain manakala penggunaan dalam kalangan masyarakat juga dilihat tidak meluas.

c) Gaya Pembelajaran VAK

Menurut Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad (2011), gaya pembelajaran secara amnya telah didefinisikan sebagai cara individu mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu itu sendiri. Dalam konteks pendidikan, gaya pembelajaran ialah cara pelajar memberikan tumpuan dan tindakan bagi memproses dan memperoleh maklumat, ilmu pengetahuan atau pengalaman yang baru. Sarjana Barat mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai sesuatu pendekatan yang menarik dan digemari oleh pelajar (Peterson, 1971). Gaya pembelajaran juga merujuk kepada cara seseorang individu menumpukan perhatian bagi mempelajari kemahiran baru (Dunn dan Dunn, 1978).

1.11 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, hasil penelitian kajian literatur menunjukkan penguasaan kemahiran Bahasa Arab adalah sangat rendah dalam kalangan pelajar dan gaya pembelajaran VAK kurang diambil perhatian dalam pembelajaran bahasa Arab. Oleh itu bertitik tolak daripada kelompongan kajian lepas, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pemboleh ubah bebas iaitu gaya pembelajaran VAK dan empat pemboleh ubah bersandar iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Islam Sultan Ismail Petra, Kelantan (KIAS), dan Kolej Islam Pahang (KUIPSAS).

RUJUKAN

- A. Yahaya. S. Hashim, & Y. Boon. *Psikologi Pendidikan*. (2008). Universiti Teknologi Malaysia.
- Abbas Pourhossein Gilakjani. *Visual, Auditory, Kinaesthetic Learning Styles and Their Impacts on English Language Teaching*. (2011). Journal of Studies in Education.
- Ahmad Johari Sihes, & Wan Noraini Wan Razab. 2008. Teori Pembelajaran. Psikologi Pendidikan 978-983-52-0536- Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2012. *Memahami Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Alfaki, Ibrahim. 2014. Identifying the Learning Styles of TESOL Master's Students in King Abdulaziz University. American International Journal of Teachers. Shirley Franklin Journal Education
- Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharin Abu,Othman Md Johan,Syed Mohd Shafeq Syed Mansor& Haliza Jaafar (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Research Vote No: 71881. Laporan Penyelidikan.
- C, Mat. (2013). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di IPTA. *Academia Journal UiTMT* (<http://journale-academiauitmt.uitm.edu.my/>). 2. 61-68.
- Carlos Rodríguez Baldo, Norma Esthela Valenzuela Miranda & Rubén Vásquez. 2008. *VAK Learning Styles In Language Teaching And Learning*. ISBN: 978-607-9136-88-8
- Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman. 2008. *Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia*. Sosiohumanika.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Mcgraw-Hill Education, Shah Alam. ISBN 978-967-5771-31-6

- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill Education, Shah Alam. ISBN 978-967-5771-31-6
- Dr. Yakup Çetin, Faith University Teaching VAK-abulary, Turkey Education, Vol. 23, No. 3, September 2008, 293–314
- Hadi Peyman, Jamil Sadeghifar, Javaher Khajavikhan, Masood Yasemi, Mohammad. Rasool, Yasemi Monireh Yaghoubi, Monireh Mohammad Hassan Nahal, and Hemati Karim, Using VARK Approach for Assessing Preferred Learning Styles of First Year Medical Sciences Students: A Survey from Iran
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. (<http://ejournal.ukm.my/gema/issue/view/475>). Vol 13, No 2
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohd Shahrizal Nasir. 2014. *Pengaruh Agama Islam Terhadap Pendidikan Bahasa Arab: Satu Sorotan Awal Di Malaysia*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail. (2015). Pengaruh Objektif Kurikulum Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization E-ISSN: 2289-6759 Volume 2 - 2015
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman. 2014. Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Di IPT. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS).
- Lilis Nurhidayah, Penerapan Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Untuk Meningkatkan Pembelajaran Konsep Sifat-Sifat Cahaya Di Kelas V Sdn 2 Suntenjaya
- Lubna Abd Rahman & Wan Azura Wan Ahmad. 2006. *Halangan Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia*
- Maimun Aqsha Lubis. 2009. *Keunggulan kaedah Elektik Sistematis dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar Melayu*. ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE).
- Maimun Aqsa Lubis. 2007. Turuq Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah Wa l'dad Duruusihah Fi Maliziya. Fakulti Pendidikan UKM.

- Mohamad Faizal, Amat @ Mohd Yusoff (2012) Penguasaan Masdar : Satu kajian dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di IPTS Perak / Mohamad Faizal Bin Amat @ Mohd Yusoff. Masters thesis, University of Malaya.
- Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. 2008. *Kajian Tatabahasa Arab: Dahulu dan Sekarang*, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Muh Azam Khasanal Bashar (2018). Implementasi Metode Visual Auditori Kinesthetic Dalam Pembelajaran Siswa Mata Pelajaran Bahasa Arab (Durūsu Al-Lughah) Kelas Vii Pondok Pesantren Islam Al-Mukmin Ngruki Dan Pondok Pesantren Ta'mirul Islam Tahun Pelajaran 2016/2017
- Nadwah Daud, Nadhilah Abdul Pisal*. 2014. Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. GEMA Online Journal of Language Studies, Volume 14(1)
- Nazimah, Ngah (2011) Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Membaca Dengan Penguasaan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa & Azhar Yaacob, Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. Pembelajaran al-Quran Berasaskan Teknik dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori Dan Kinestetik), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Nur Syazwina Mustapa et al. (2012). Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Radhwan Hussein Ibrahim; Dhiaa Al-rahman Hussein (2015), Assessment Of Visual, Auditory, And Kinesthetic Learning Style Among Undergraduate Nursing Students, International Journal of Advanced Nursing Studies
- Rusydi Ahmad Ta'imah. T.t. Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra. Jilid2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah al-Arabiyyah.
- Sharp, John & Bowker, Rob & Byrne, Jenny. 2008. VAK or VAK-uos? Towards the trivialisation of learning and the death of scholarship. Research Papers in Education. 23. 293-314. 10.1080/02671520701755416. Siti Nor Bahyah Mahamood & Haji Muhammad Zakaria. 2009. *Rahsia Minda Hebat*. Telaga Biru Sdn Bhd.

Wan Azura Wan Ahmad. 2007. Pendekatan Dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan bahasa Arab. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. *Strategi Belajar yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.

Zahimie, Mohd & Mohd Dzahid, Mohd Zahimie & Izzati, Nur & Fadzly, Zarin & Rahim, Ab & Muhaimin, Abdul & Bakar, Abu & Bahasa, Fakulti & Pendidikan, Dan. (2018). Gaya Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar KUIM.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA di Malaysia*. GEMA Online™ Journal.

BIODATA PELAJAR



Farah Nur-Rashida binti Rosnan dilahirkan di negeri Pulau Pinang pada 20 Mac 1991. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seri Indah, Ayer Itam, kemudian meneruskan pengajian ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Menyambung pengajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam peringkat asasi pada tahun 2009. Seterusnya, memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, dari kolej yang sama pada tahun 2014. Pernah berkhidmat sebagai guru praktikal di Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah (SAMTAJ), Sungai Besar dan berkhidmat sebagai guru ganti sambilan tidak terlatih (GSTT) di Sekolah Kebangsaan Tebuk Pulai, Sabak Bernam. Kemudian berkhidmat sebagai pensyarah muda di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bermula pada tahun 2014 sehingga sekarang (2020). Kini, sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia.

PENERBITAN

Farah Nur-Rashida Bt Rosnan, Mohd Azidan b. Abdul Jabar, Nik Farhan bt. Mustafa. 2021. *VAK Learning Style In Arabic Language Skills*. International Journal of Social Science Research (IJSSR). eISSN: 2710-6276 | Vol. 3, No. 2, 71-78, 2021.

